



## PROSEDUR TEMPAHAN PENGGUNAAN KEMUDAHAN SUKAN UiTM CAWANGAN PULAU PINANG

### PENGGUNAAN BORANG (WARGA KAMPUS UiTM CAWANGAN PULAU PINANG)

#### Langkah 1

Borang tempahan penggunaan kemudahan sukan boleh didapati di pejabat Unit Sukan. Penggunaan borang tempahan kemudahan ini digunakan bagi pengguna yang ingin mengguna tempahan 3 hari sebelum (bergantung kepada kekosongan dan penyediaan garisan padang).

#### Langkah 2

Borang tempahan perlulah dihantar kepada pegawai untuk mendapat kelulusan tempahan.

#### Langkah 3

Borang kelulusan tempahan akan diserahkan kepada penggunaan pada hari tempahan atau sehari sebelum penggunaan bergantung kepada kekosongan kemudahan yang ingin digunakan.

#### Langkah 4

Pengguna perlulah membawa keratan borang kebenaran / kelulusan semasa penggunaan kemudahan tersebut sebagai pengesahan.



## PROSEDUR TEMPAHAN PENGGUNAAN KEMUDAHAN SUKAN UiTM CAWANGAN PULAU PINANG

### PENGGUNAAN SURAT

(WARGA KAMPUS UiTM CAWANGAN PULAU PINANG & ORGANISASI LUAR)

#### Langkah 1

Permohonan menggunakan kemudahan sukan UiTM Cawangan Pulau Pinang perlulah dibuat kepada Rektor / Ketua Unit Sukan Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang secara rasmi dua (2) minggu sebelum tarikh penggunaan tersebut.

#### Langkah 2

Surat tempahan akan diserahkan kepada pegawai yang bertanggungjawab untuk mengesahkan kemudahan tersebut boleh digunakan atau tidak.

#### Langkah 3

Pihak pengurusan Unit Sukan UiTM Cawangan Pulau Pinang akan membalas surat pengesahan penggunaan tempahan kemudahan kepada pihak yang berkenaan selewat-lewatnya tiga (3) hari selepas surat permohonan diterima ATAU tujuh (7) hari sebelum penggunaan.

#### Langkah 4

Setelah mendapat kelulusan penggunaan dari pihak Unit Sukan pengguna perlulah hadir membuat bayaran (bagi pengguna luar) di Pejabat Bendahari, UiTM Cawangan Pulau Pinang, Tingkat 1, Kompleks Perdana dan menyerahkan salinan resit ke Pejabat Unit Sukan bagi tujuan pengesahan tempahan dan perbincangan dengan pihak pengurusan Unit Sukan sebelum penggunaan.

#### Langkah 5

Pengguna perlulah membawa surat kebenaran / kelulusan semasa penggunaan kemudahan tersebut sebagai pengesahan / rujukan kepada pihak-pihak dibawah UiTM Cawangan Pulau Pinang.